

Perbezaan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan demografi terpilih

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek demografi terpilih di daerah Sandakan, Sabah. Aspek demografi yang dikaji adalah jantina, umur, tempoh perkhidmatan dan kelulusan akademik tertinggi. Manakala dimensi profesionalisme guru yang dikaji adalah pengetahuan, kemahiran dan nilai profesionalisme. Jumlah responden yang digunakan adalah seramai 102 orang guru dari tujuh buah sekolah menengah yang mempunyai pendidikan tingkatan enam di daerah Sandakan. Instrumen kajian yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan demografi responden manakala bahagian B mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan pemboleh ubah bersandar profesionalisme guru tingkatan enam. Data dianalisis dengan menggunakan perisian IBM Statistical Package for Social Sciences (SPSS). Analisis yang digunakan melibatkan ujian-t dan ANOVA sehala bagi mendapatkan perbezaan signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan faktor demografi terpilih. Ujian-t digunakan bagi mengenal pasti perbezaan signifikan tahap profesionalisme guru berdasarkan aspek jantina guru dan tempoh perkhidmatan. Manakala ANOVA sehala digunakan bagi mengenal pasti perbezaan signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek umur dan kelulusan akademik tertinggi. Hasil analisis menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan tahap profesionalisme guru tingkatan enam berdasarkan aspek jantina ($p=.154$), umur ($p=.887$), tempoh perkhidmatan ($p=.385$) dan kelulusan akademik tertinggi ($p=.230$) di daerah Sandakan. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru tingkatan enam di daerah Sandakan tanpa mengira aspek demografi yang dikaji, telah menunjukkan tahap profesionalisme yang tinggi untuk merealisasikan kejayaan penjenamaan semula tingkatan enam. Seterusnya, penyelidik mencadangkan kajian ini diperluas ke daerah-daerah lain di negeri Sabah untuk mendapatkan gambaran yang sebenar bagi mewakili populasi guru tingkatan enam di negeri Sabah.